

# KERATAN AKHBAR

## SINAR HARIAN

31 MAC 2021 ( RABU )

### Pengiktirafan KUIPSAS sebagai universiti penuh tingkatan penyelidikan, kualiti graduan

**KUANTAN** - Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) diiktiraf sebagai sebuah universiti penuh oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berkuat kuasa Khamis lalu.

Surat dan Sijil Kelulusan disampaikan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad kepada Menteri Besar Pahang merangkap Pro Canselor KUIPSAS, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Wan Rosdy berkata, penganugerahan taraf sebagai universiti penuh itu diharap akan dapat meningkatkan lagi

penyelidikan dan kualiti graduan KUIPSAS.

Menurutnya, pengiktirafan tersebut juga mampu menjadi pemangkin kepada KUIPSAS untuk muncul sebagai sebuah institusi pengajian tinggi ulung bukan sahaja di negeri Pahang, tetapi juga di peringkat antarabangsa pada masa akan datang.

"Penubuhan KUIPSAS pada 27 Ogos 1996 bermula sebagai Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) merupakan satu lakaran kejayaan yang harus diingati seluruh rakyat Pahang.



FOTO: FW WAN ROSDY WAN ISMAIL

"Sepanjang penubuhannya, KUIPSAS melahirkan graduan dalam pelbagai bidang dan merupakan antara aset terpenting

pembangunan modal insan bagi negeri ini," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Wan Rosdy berkata, pende-

Wan Rosdy menerima sijil kelulusan KUIPSAS yang diiktiraf sebagai universiti oleh Dr Noraini dalam satu majlis di Putrajaya pada Isnin.

katan KUIPSAS yang mengintegrasikan pembangunan ukhrawi dan kemahiran berteraskan industri merupakan ciri unik yang harus dikekalkan dan diperkasakan demi masa depan generasi akan datang.

KUIPSAS merupakan sebuah IPT milik penuh kerajaan Pahang dan dinaik taraf sebagai kolej universiti sejak Oktober 2015.

Melalui pengiktirafan KUIPSAS sebagai universiti penuh, Pahang kini mempunyai dua universiti kampus utama termasuk Universiti Malaysia Pahang (UMP).